

Nama:..... Kelas:.....

SULIT
1249/2
Sejarah
Kertas 2
Ogos
2026
2 ½ jam

1249/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA
PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2026

SEJARAH

Kertas 2

Dua Jam Tiga Puluh Minit



JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **kelas** pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan.
5. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
6. **Kertas peperiksaan** ini hendaklah diserahkan kepada pegawai peperiksaan pada akhir peperiksaan.

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperolehi
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
JUMLAH		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 26 halaman bercetak


[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Peta berikut berkaitan pakatan ketenteraan dalam Perang Dunia Pertama (1914-1918) di Eropah.



- (a) Namakan negara yang menyertai pakatan ketenteraan berikut:

- (i) Kuasa Tengah

.....
[1 markah]

- (ii) Pakatan Bertiga

.....
[1 markah]



(b) Mengapakah perang tersebut berlaku?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Baca pernyataan berikut.

Keamanan adalah tunjang kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah negara.

Sumber: www.mkn.gov.my, 25 April 2024

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 2 Pilihan Raya Umum Pertama tahun 1955 penting kepada penduduk Tanah Melayu kerana berpeluang mengasaskan pentadbiran negara yang merdeka.

Sumber: www.mkn.gov.my

- (a) Nyatakan **dua** syarat untuk menjadi calon dalam pilihan raya tersebut.

.....

.....

.....

[2 *markah*]

- (b) Bagaimanakah pilihan raya tersebut dilaksanakan?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]



(c) Teliti poster berikut.



Huraikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut.

.....

.....

.....

.....


.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 3 Rajah berikut merujuk kepada struktur pemerintahan di Malaysia.



- (a) Apakah X dan Y?

X :

Y :

[2 markah]

- (b) Jelaskan peranan badan pemerintahan di 3 (a).

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Baca petikan berikut.

Pengasingan kuasa memastikan tiada pemusatan kuasa di dalam suatu badan pemerintahan yang boleh membawa kepada penyalahgunaan, korupsi dan lain-lain kesan negatif kepada negara.

Sumber: Diubah suai daripada www.astroawani.com, 16 Julai 2025

Mengapakah pengasingan kuasa penting kepada negara?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah



4 Negara kita menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukan Malaysia.

(a) Apakah cabaran pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah?

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan faktor berlakunya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Teliti puisi berikut.

Denai Keharmonian

Di tanah bertuah tanah merdeka
Pelbagai bangsa menyulam budaya
Berbeza warna, tidak bermusuh
Harmoni dijaga, kasih berlabuh

Nukilan: Shahana binti Shukri, 2025

Huraikan mesej yang terkandung dalam puisi tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

Bahagian B

[60 markah]

*Jawab tiga soalan sahaja.**Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan di **halaman 15** hingga **halaman 26**.***5** Perkembangan nasionalisme di negara kita bermula pada awal abad ke-20.

(a) Jelaskan faktor kemunculan nasionalisme di negara kita. [6 markah]

(b) Jelaskan perjuangan nasionalisme oleh persatuan berikut:

(i) Kesatuan Melayu Singapura (KMS) [3 markah]

(ii) Kesatuan Melayu Muda (KMM) [3 markah]

(c) Baca pernyataan berikut.

Petanda awal lunturnya semangat patriotisme dalam kalangan rakyat ialah apabila menganggap sejarah kemerdekaan sebagai sesuatu yang membosankan dan tidak relevan dengan kehidupan masa kini.

Tanpa semangat patriotik perpaduan masyarakat akan mudah goyah, rasa hormat terhadap institusi negara akan luntur dan kesediaan untuk berkorban demi negara akan hilang.

Akhirnya kita mungkin terdedah dengan ancaman dalaman dan luaran, yang boleh menggugat kestabilan dan kedaulatan negara.

Sumber: berita.rtm.gov.my, 1 Ogos 2025

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

Cadangkan langkah untuk memperkukuh semangat patriotisme dalam kalangan rakyat [8 markah]



- 6 Gambar berikut berkaitan peristiwa menandatangani perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Sumber: www.arkib.gov.my, 20 Januari 2025

- (a) Mengapakah perjanjian tersebut ditandatangani? [6 markah]
- (b) Jelaskan ciri-ciri Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]
- (c) Sejarah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan detik yang perlu dihayati oleh setiap rakyat.

Sumber: arkib.gov.my

Jelaskan iktibar yang diperolehi daripada penubuhan persekutuan tersebut.

[8 markah]

[Lihat halaman sebelah

7 Malaysia merupakan sebuah negara Persekutuan yang terdiri daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

(a) Terangkan sejarah pembentukan sistem Persekutuan di negara kita.

[4 markah]

(b) Jelaskan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dari aspek berikut:

(i) Pembangunan tanah

[4 markah]

(ii) Penyediaan perumahan rakyat

[4 markah]

(c) Baca petikan berikut.

Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu terus dipertingkatkan dan diperhebatkan lagi demi kebajikan rakyat yang perlu sentiasa diutamakan. Semua perancangan perlu diambil kira kepentingan rakyat yang dahagakan pembangunan tanpa melupakan prinsip manusiawi. Ketetapan ini bagi menjamin kepentingan rakyat dalam pelbagai aspek termasuk dalam menikmati manfaat hasil daripada pembangunan yang dijalankan.

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu bekerja keras untuk membina masa depan Malaysia yang lebih terangcum dan gemilang demi kesenangan dan kebajikan rakyat jelata. Apabila dasar dan program dilaksanakan secara bersama, rakyat mendapat manfaat yang lebih menyeluruh manakala hubungan harmoni antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri membantu memupuk semangat kesatuan dan mengelakkan perpecahan antara wilayah.

Sumber: Diubah suai daripada berita.rtm.gov.my

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]



8 Pendidikan merupakan asas kepada pembinaan negara bangsa yang merdeka.

Sumber : ir.upsi.edu.my

- (a) Jelaskan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan. [4 markah]
- (b) Senarai berikut berkaitan jawatankuasa yang mengkaji sistem pendidikan kebangsaan.

- Laporan Rahman Talib
- Kajian Aminuddin Baki

Jelaskan cadangan jawatankuasa tersebut.

[8 markah]

- (c) Infografik berikut berkaitan objektif Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) 2030.



Berdasarkan infografik, mengapakah dasar tersebut diperkenalkan?

[8 markah]

[Lihat halaman sebelah

9 Kemampuan Malaysia menangani pelbagai isu global kontemporari telah menunjukkan kebijaksanaan pemimpin negara di peringkat antarabangsa.

(a) Jelaskan tindakan Malaysia menangani isu-isu berikut:

(i) Penyalahgunaan dadah [4 markah]

(ii) Pertindihan sempadan [4 markah]

(iii) Penyakit berjangkit [4 markah]

(b) Gambar berikut berkaitan tentang isu-isu kemanusiaan pada masa kini.



Sebagai penduduk dunia yang prihatin, bagaimanakah anda boleh meringankan penderitaan mangsa tersebut? [8 markah]



[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

		Untuk Kegunaan Pemeriksa
	Tulis pada kedua-dua belah halaman	

		Untuk Kegunaan Pemeriksa
	Tulis pada kedua-dua belah halaman	

		Untuk Kegunaan Pemeriksa
	Tulis pada kedua-dua belah halaman	

		Untuk Kegunaan Pemeriksa
	Tulis pada kedua-dua belah halaman	

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT